

Terma Penggunaan Laman Web

1. Pengenalan

Kerajaan Negeri Selangor ("**Kerajaan Negeri**") telah membangunkan dan melancarkan Platform Selangor ("**PLATS**"), sebuah platform komuniti untuk menambahbaik dan menggerakkan usahawan kecil dan sederhana yang berdaftar dengan PLATS, di dalam negeri Selangor melalui proses digitalisasi perniagaan. PLATS juga digunakan untuk tujuan promosi dan menyediakan maklumat dan permohonan bagi mendapatkan inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Terma Penggunaan Laman Web Plat ini ("**Terma**") mentadbir penggunaan laman web dan aplikasi mudah alih PLATS di <https://www.platselangor.com> ("**Laman Web**"). Sila baca Terma ini. Apabila anda mengakses dan menggunakan Laman Web ini, anda bersetuju bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menerima Terma ini. Sekiranya anda tidak memenuhi atau mematuhi peruntukannya, anda tidak boleh menggunakan Laman web ini. Terma ini dikuatkuasa pada tarikh pelancaran Laman Web dan aplikasi telefon pintar PLATS.

Terma ini terpakai kepada semua pengguna dan pelawat Laman Web ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna iaitu penjual dan peniaga ("**Penjual**"), pengguna iaitu pembeli dan pelanggan ("**Pembeli**") dan pengguna yang layak untuk memohon apa-apa inisiatif yang ditawarkan di dalam Laman Web ini ("**Pemohon**").

Dengan menggunakan Laman Web ini, anda telah memahami bahawa apa-apa maklumat yang dikongsi oleh anda dan/atau dimuat naik ke Laman Web mungkin akan dipintas atau dibaca oleh pihak ketiga walaupun terdapat notifikasi bahawa penghantaran tersebut disulitkan.

Pengguna di bawah umur 18 tahun hendaklah mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga sah, yang menerima Term aini dan hendaklah bertanggungjawab atas sebarang tingkah laku anda dalam penggunaan Laman Web ini. Sekiranya anda tidak mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga sah anda, anda tidak boleh berhenti daripada menggunakan Laman Web ini secara serta merta.

Kami berhak untuk membuat perubahan atau mengubah Terma ini dari semasa ke semasa. Kami mungkin akan memberitahu anda tentang perubahan tersebut dengan cara yang munasabah, termasuk dengan menyiarkan versi Terma yang telah diubah di Laman Web. Penggunaan terus Laman Web oleh anda berikutan daripada perubahan Terma tersebut hendaklah dianggap sebagai penerimaan dan persetujuan anda terhadap perubahan tersebut.

2. Terma Penggunaan Laman Web

Laman Web ini dikhaskan untuk individu dan/atau syarikat yang ingin menjual atau mempromosikan perkhidmatan dan/atau produk mereka dan kepada individu dan/atau syarikat yang ingin membeli dan/atau mendapatkan perkhidmatan dan/atau produk yang disediakan di Laman ini. Laman Web ini juga khas didedikasikan untuk melancarkan, mempromosikan dan digunakan oleh Pemohon yang layak mendapatkan sebarang inisiatif Kerajaan Negeri yang ditawarkan di bawah Laman web ini.

Anda bertanggungjawab ke atas semua akses dan penggunaan ke Laman Web ini dengan menggunakan sambungan internet peribadi anda, walaupun sekiranya ianya diakses oleh orang lain selain anda.

Kami berhak untuk menyekat akses anda ke Laman Web secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya. Akses ke kawasan yang terhad di Laman Web ini adalah tertakluk kepada pendaftaran dan syarat lain. Sekiranya kami memberi anda kebenaran untuk mengakses kawasan yang terhad, kami boleh menarik balik kebenaran itu pada bila-bila masa (termasuk sekiranya anda melanggar mana-mana Terma ini).

2.1 Terma Penggunaan bagi pihak Pembeli

- a) Anda dengan ini diberikan hak terhad dan tidak eksklusif yang boleh ditamatkan mengikut budi bicara kami, untuk mengakses dan menggunakan Laman Web ini semata-mata untuk kegunaan peribadi anda untuk membeli produk atau perkhidmatan yang terdapat di Laman Web ini;
- b) Anda dilarang sama sekali untuk menggunakan Laman Web ini untuk menimbulkan gangguan, kegusaran, ketidakselesaan dan/atau membuat tempahan palsu ke atas produk atau perkhidmatan yang terdapat di Laman Web ini;
- c) Anda tidak dibenarkan untuk menyalin kandungan yang dipaparkan di Laman Web, termasuk kandungan dan ulasan produk pihak ketiga, untuk diterbitkan semula dalam format atau media apa pun.

2.2 Terma Penggunaan untuk Penjual

- a) Anda dengan ini diberikan hak terhad dan tidak eksklusif yang boleh ditamatkan mengikut budi bicara kami, untuk mengakses dan menggunakan Laman Web ini bertujuan untuk kegunaan menjual sebarang produk atau perkhidmatan yang selaras dengan undang-undang Malaysia;
- b) Anda dengan ini bersetuju dan mengakui serta berjanji untuk tidak menjual barang, perkhidmatan atau produk terlarang yang menyalahi undang-undang Malaysia;

2.3 Terma Penggunaan Pemohon

- a) Anda dengan ini diberikan hak terhad dan tidak eksklusif yang boleh ditamatkan mengikut budi bicara kami, untuk mengakses dan menggunakan Laman Web ini bagi tujuan memohon inisiatif berkaitan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri yang disediakan di Laman Web ini;
- b) Anda dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa segala maklumat yang dinyatakan di dalam Laman Web ini adalah tepat;
- c) Anda dengan ini bersetuju bahawa sebarang permohonan yang dibuat oleh anda tidak menjamin anda bahawa permohonan tersebut akan diluluskan.

3. Terma Am Laman Web

Kami akan menggunakan usaha yang sewajarnya untuk memastikan bahawa Laman Web ini sentiasa tersedia untuk digunakan. Walau bagaimanapun, kami tidak dapat menjamin bahawa Laman Web atau fungsi atau ciri individu Laman Web ini akan sentiasa tersedia dan/atau bebas daripada kesilapan. Khususnya, Laman Web ini mungkin tidak tersedia dalam tempoh ketika kami melaksanakan peningkatan perisian atau menjalankan penyelenggaraan ke atas Laman Web.

Laman Web ini mengandungi bahan yang dimiliki oleh kami. Bahan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada reka bentuk, susun atur, rupa, penampilan dan grafik. Sebarang pengedaran semula atau pengeluaran semula sebahagian atau semua kandungan Laman Web dalam sebarang bentuk apa pun adalah dilarang melainkan dengan mendapatkan keizinan dari kami.

Laman Web yang disediakan adalah dalam keadaan "sedia ada" dan kami tidak membuat sebarang representasi ke atas kualiti, prestasi, kesesuaian, kelengkapan maklumat atau ketepatan apa-apa bahan dan kandungan yang terdapat di dalam Laman Web ini. Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, kami dengan jelas mengecualikan:

- a) Semua syarat, jaminan dan syarat lain yang mungkin tersirat di bawah undang-undang terhadap Terma ini;
- b) Mana-mana dan semua tanggungjawab kepada anda, sama ada timbul di bawah Term ini atau sebaliknya melalui penggunaan Laman Web ini oleh anda.

Perkara di atas adalah had tanggungjawab yang komprehensif yang terpakai ke atas semua jenis kerosakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada ganti rugi, pampasan, secara langsung, secara tidak langsung atau akibat, kehilangan data, pendapatan atau keuntungan, kehilangan atau kerosakan harta benda dan tuntutan pihak ketiga.

4. Larangan Am atau Aktiviti yang Dihadkan

Kebezaan yang diberikan kepada anda untuk menggunakan Laman Web ini adalah peribadi bagi anda dan tidak boleh dipindah milik, dan anda tidak boleh menggunakan Laman Web ini untuk tujuan komersial lain yang tidak selaras dengan Terma ini. Penggunaan Laman Web anda bergantung pada kepatuhan anda terhadap peraturan yang dinyatakan dalam Terma ini dan anda bersetuju bahawa anda tidak akan:

- a) menggunakan Laman Web ini untuk tujuan penipuan atau menyalahi undang-undang;
- b) menggunakan Laman Web untuk memfitnah, menyalahgunakan, mengganggu, mengancam atau melanggar hak individu lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak privasi individu lain;
- c) meniru identiti mana-mana orang atau entiti, membuat pernyataan secara salah atau dengan cara yang salah menyatakan hubungan anda dengan mana-mana orang atau entiti yang berkaitan dengan Laman Web; atau menyatakan atau menyiratkan bahawa kami menyokong pernyataan yang dinyatakan oleh anda;
- d) mengganggu operasi Laman Web atau perisian atau rangkaian yang digunakan untuk menyediakan Laman Web ini; atau melanggar syarat, prosedur, polisi atau peraturan rangkaian ini;
- e) menghantar sebarang virus atau kod komputer lain yang berbahaya atau menyerang atau mungkin atau bertujuan untuk merosakkan operasi, atau untuk memantau penggunaan, sebarang perkakasan, perisian, atau peralatan Laman Web;
- f) menghasilkan semula, membuat salinan, menjual, menjual semula atau sebaliknya dan mengeksploit bagi tujuan komersil, sebahagiannya atau penggunaan atau akses Laman Web;
- g) mengubah suai, menyesuaikan, menterjemahkan, menguraikan, menyusun semula atau membongkar mana-mana bahagian Laman Web; hapus sebarang notis hak cipta, cap dagang atau hak milik lain dari Laman Web atau bahan yang berasal dari Laman Web;
- h) mencerminkan (*framing or mirroring*) mana-mana bahagian Laman Web tanpa kebenaran bertulis daripada kami terlebih dahulu;
- i) membuat pangkalan data dengan memuat turun dan menyimpan kandungan Laman Web secara sistematik;
- j) menggunakan mana-mana alat manual atau automatik untuk mengumpul kandungan Laman Web atau menghasilkan semula atau mengelak struktur navigasi atau penyediaan Laman Web tanpa persetujuan bertulis dari kami terlebih dahulu. Walau yang demikian, kami memberikan kebenaran terhadap kepada pengendali carian dalam talian awam untuk menggunakan aplikasi carian bagi menghasilkan semula bahan dari Laman Web untuk tujuan setakat yang diperlukan yang boleh dicari dan tersedia bagi pihak umum;

- k) dilarang melakukan apa-apa tindakan yang melanggar hak cipta, paten, tanda dagang, rahsia perdagangan atau hak harta intelektual PLATS atau mana-mana pihak ketiga;
- l) memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dan/atau terlibat dalam aktiviti dan/atau transaksi yang berpotensi untuk tujuan menipu atau mencurigakan; mendedahkan atau menyebarkan maklumat pengguna lain kepada pihak ketiga, atau menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan pemasaran atau promosi tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pengguna untuk melakukannya;
- m) menggunakan Laman Web dengan cara yang mengakibatkan atau boleh mengakibatkan aduan, pertikaian, tuntutan, yuran, denda dan penalti kepada PLATS, anda, Pembeli, Penjual, Pemohon, atau pihak ketiga yang lain; atau terlibat dalam aktiviti yang sebaliknya yang menimbulkan liabiliti terhadap PLATS.

5. Lain-lain

- 5.1 Kami berhak untuk mengenakan sekatan, larangan tambahan dan membuat pindaan terhadap bahagian ini dari semasa ke semasa. Anda dengan ini bersetuju bahawa anda adalah bertanggungjawab anda memeriksa sebarang perubahan yang dilakukan terhadap bahagian ini dari semasa ke semasa.
- 5.2 Dari semasa ke semasa, Laman Web ini akan menyediakan atau memasukkan pautan ke laman web lain dan sumber dalam talian. Tujuan pautan ini disediakan untuk memberi kemudahan kepada anda dalam memberikan maklumat lebih lanjut, dan sila ambil maklum bahawa kami tidak akan bertanggungjawab dan tidak menyokong laman web atau sumber luaran tersebut. Penggunaan laman web dan sumber pihak ketiga oleh anda adalah risiko anda sendiri.
- 5.3 Anda boleh membuat pautan ke Laman web ini, dengan syarat:
 - 5.3.1 Pautan itu sah dari segi undang-undang dan tidak dibentangkan dengan cara:
 - a) mengelirukan atau mencadangkan sebaran kaitan, kelulusan atau sokongan oleh kami yang tidak wujud, atau
 - b) memberi kesan negatif terhadap reputasi kami atau reputasi mana-mana rakan sekutu kami;
- 5.4 Kami berhak untuk meminta anda untuk segera menghapus pautan ke Laman Web pada bila-bila masa dan anda bersetuju untuk segera mematuhi permintaan oleh kami berkenaan dengan penghapusan pautan tersebut.
- 5.5 Kami mungkin mengumpulkan dan menggunakan maklumat tentang anda selaras dengan Notis Perlindungan Data Peribadi kami. Anda boleh melihat salinan notis tersebut melalui pautan ini [NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI](#).

- 5.6 Terma ini berkuatkuasa sehingga ianya ditamatkan. Kami berhak, pada bila-bila masa dan dengan apa sahaja alasan sekalipun, menghentikan akses anda dalam penggunaan Laman Web ini. Sekiranya kami menghentikan akses anda ke Laman Web, anda tidak akan berhak untuk mengemukakan tuntutan terhadap kami atau rakan sekutu kami berkenaan dengan penamatan tersebut. Kami dan rakan sekutu kami tidak akan bertanggungjawab atas penamatan akses anda ke Laman Web ini.
- 5.7 Jika mana-mana terma, syarat, ketetapan, ketentuan, akujanji atau bahagian dalam Terma ini didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan di bawah undang-undang masa kini atau undang-undang masa depan terma, syarat, ketetapan, ketentuan, akujanji atau bahagian tersebut akan dibolehasingkan sepenuhnya. Terma ini hendaklah ditafsirkan dan dilaksanakan seolah-olah rma, syarat, ketetapan, ketentuan, akujanji atau bahagian dalam Terma ini yang tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut tidak pernah membentuk sebahagian daripada Terma ini dan terma, syarat, ketetapan, ketentuan, akujanji atau bahagian yang lain dalam Terma ini akan kekal dengan sepenuh kesan dan peranannya dan tidak akan terjejas dalam Terma ini yang didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut atau oleh pengasingannya daripada Terma ini.
- 5.8 Terma ini hendaklah tertakluk kepada dan ditafsirkan berdasarkan kepada undang-undang di Malaysia.